

26 SEP 1996

Menara

PERTUNJUKAN GEMILANG SEMPENA PERASMIAN MENARA KL

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Satu pertunjukan penuh gemilang cahaya laser, muzik dan bunga api bernilai RM1.2 juta akan menandakan bermulanya pelancaran rasmi mercu tanda pelancongan terbaru negara, Menara Kuala Lumpur pada Selasa ini.

Pertunjukan bunga api itu, yang dikatakan terpanjang di dunia, meliputi keseluruhan menara sepanjang 421 meter itu.

Pengurus Besar Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, Encik Mohd Nasir Ithnin memberitahu pemberita hari ini bahawa acara itu akan disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia dan buat pertama kali di Malaysia, pelancaran itu menerusi pancaran digital akan diperolehi dalam Internet.

Tontotan menerusi Internet boleh didapati dari halaman sendiri Menara Kuala Lumpur <http://live.rtm.net.my/kltower/>.

Menara komunikasi yang keempat tertinggi di dunia, yang terletak di atas Bukit Nanas di sini, akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Nasir berkata pertunjukan itu akan bermula sebaik sahaja Dr Mahathir memotong riben laser untuk merasmikan pembukaan menara itu.

"Pertunjukan luar biasa secara visual itu akan disokong dengan persembahan orkestra dan koir yang akan menyanyikan lagu tema khusus mengenai negara itu," katanya.

Menara Kuala Lumpur, usahasama antara Telekom Malaysia Bhd dan syarikat Jerman, Wayss & Freytag AG, menjadi tarikan di kalangan pelancong tempatan dan luar negeri sejak dibuka kepada orang ramai pada Julai lepas.

Mohd Nasir berkata menara itu akan diubah menjadi pusat kebudayaan di Kuala Lumpur.

Menara itu ditutup kepada orang ramai pada Selasa sempena upacara perasmian itu.

-- BERNAMA

MAM AHH